ANGKA GILIRAN: ____________ NO. TEMPAT DUDUK: __________

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

# HMT 222 – SINTAKSIS BAHASA MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

Jawab LIMA soalan. Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A, DUA soalan dari Bahagian B dan SATU soalan dari Bahagian C.

Jawab Soalan 1 hingga Soalan 5 di ruang yang disediakan di kertas ini.
Jawab Soalan 6 dan Soalan 7 di buku jawapan yang disediakan.

Ikat dan serahkan kedua-dua kertas soalan dan buku jawapan bersekali.

| No. Soalan | Markah |
|---|---|
| Bahagian A (Jawab SEMUA.) | |
| 1 | / 22.5 |
| 2 | / 5 |
| Bahagian B (Pilih DUA soalan.) | |
| 3 | / 11.25 |
| 4 | / 11.25 |
| 5 | / 11.25 |
| Bahagian C (Pilih SATU soalan.) | |
| 6 | / 50 |
| 7 | / 50 |
| Jumlah | / 100 |

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan.

1. Rujuk **Teks 1** untuk menjawab [a] dan [b].

| **Teks 1** |
|---|
| Setelah berminggu-minggu aku tidur lewat untuk menghabiskan beberapa projek, semalam, aku pastikan aku tidur awal kerana ingin memperuntukkan satu hari berjumpa dengan beberapa sahabat yang istimewa dalam hidupku dan mahu bermain-main di tepian pantai, sebelum menyelam ke dasarnya lagi. |
| [ubah suai dari pada http://noridah.wordpress.com/2007/10/19/hitam-putih-kehidupan/] |

[a] Kenal pasti dan perlihatkan ujian untuk:

[i] satu predikat klausa pancangan,

[ii] satu keterangan kompleks ayat, dan

[iii] satu objek.

[22.5 markah]

predikat klausa pancangan

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

ujian untuk predikat klausa pancangan

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

keterangan kompleks ayat

ujian untuk keterangan kompleks ayat

objek

ujian untuk objek

[b] Perlihatkan satu contoh ayat tunggal untuk ciri:

[i] predikator dalam klausa pancangan bersubjek tersirat dan

[ii] subjek tersurat dalam klausa pancangan keterangan.

ayat tunggal dalam klausa pancangan bersubjek tersirat dan berpredikator

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

ayat tunggal dalam klausa pancangan keterangan bersubjek tersurat

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

________________________________________________

2. Gabungkan kesemua ayat-ayat dalam **DATA 1** sehingga menghasilkan [i] ayat gabungan dan [ii] ayat gabungan-pancangan.

[5 markah]

**DATA 1**

[a] Semua Pusat Sukan di Institusi Pengajian Tinggi perlu melantik pegawai pembimbing sukan.
[b] Pegawai pembimbing sukan memantau aspek sukan dan akademik atlet.
[c] Pegawai pembimbing sukan memberi khidmat nasihat dalam aspek sukan dan akademik atlet.

[ubah suai daripada http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news.php?id=308845]

ayat gabungan

________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________

ayat gabungan-pancangan

________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________
________________________________________

Bahagian B

Pilih dan jawab DUA soalan.

3. Pilih DUA daripada [i] – [iv]. Menggunakan ujian yang ditetapkan dalam [i] – [iv], namakan kategori leksikal untuk perkataan yang dinyatakan. [Data diubah suai daripada http://www.hmetro .com.my.]

[i] ujian komplementizer untuk kata '**perunding**' dalam 'Perunding berkata ada empat asas kegagalan pelajar dalam peperiksaan.'

[ii] ujian afiks untuk perkataan '**mencapai**' dalam 'Satu asas kegagalan ialah gagal mencapai kecemerlangan (keseluruhan A).'

[iii] ujian paradigmatik untuk perkataan '**gigih**' dalam 'Biarpun sudah berusaha gigih, pelajar gagal.'

[iv] ujian penyebaran untuk perkataan '**untuk**' dalam 'Pelajar gagal kerana disengajakan untuk menunjukkan protes terhadap sesuatu.'

[11.25 markah]

ujian pilihan pertama [bulatkan pilihan anda: [i] [ii] [iii] [iv] ]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

nama kategori leksikal pilihan pertama

______________________________________________

ujian pilihan kedua [bulatkan pilihan anda: [i] [ii] [iii] [iv] ]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

nama kategori leksikal pilihan kedua

______________________________________________

...8/-

4. Pilih DUA daripada [i] – [iv]. Menggunakan ujian yang ditetapkan dalam [i] – [iv], buktikan bahawa saiz konstituen frasa adalah seperti yang diberikan. [Data diubah suai daripada http://www.utsan.com.my/utusan/.]

   [i] ujian bentuk pro untuk frasa nama subjek dalam 'Sel-sel normal yang membina tisu badan mengalami tumbesaran.'

   [ii] ujian pergerakan untuk frasa adverba keterangan dalam 'Sel normal membahagi secara teratur dan tenteram.'

   [iii] ujian koordinasi untuk frasa kerja predikat dalam 'Sel tua masih meneruskan tumbesarannya.'

   [iv] ujian serpihan ayat untuk frasa preposisi pelengkap dalam 'Pertumbuhan ini bertukar pada ketumbuhan yang ganas (malignan) ataupun yang tidak ganas (benign).'

[11.25 markah]

pilihan pertama [bulatkan pilihan anda: [i] [ii] [iii] [iv] ]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

pilihan kedua [bulatkan pilihan anda: [i] [ii] [iii] [iv] ]

5. Pilih DUA daripada [i] – [iv]. Menggunakan ujian yang bersesuaian, kenal pasti pilihan anda dalam **Teks 2**.

| **Teks 2** |
|---|
| Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memperkenalkan kaedah baru mengesan barah pangkal rahim yang boleh dilakukan sendiri di rumah tanpa perlu pengawasan doktor yang dijadual bermula tahun depan. [http://www.bharian.com.my/] |

[i] kepala frasa kerja

[ii] komplemen frasa kerja

[iii] adjung frasa kerja

[iv] spesifier ayat

[11.25 markah]

ujian untuk pilihan pertama [bulatkan pilihan anda : [i] [ii] [iii] [iv] ]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

pengenalpastian pilihan pertama

ujian untuk pilihan kedua [bulatkan pilihan anda: [i] [ii] [iii] [iv] ]

pengenalpastian pilihan kedua

Bahagian C

Pilih dan jawab SATU soalan sahaja di buku jawapan yang disediakan. Jawapan wajib ditulis dalam bentuk **karangan**, dan bukan dalam bentuk nota. Setiap jawapan mesti disertakan dengan rajah pohon berdasarkan skema X-berpalang **atau** FDG.

6. Pilih **Kumpulan Pertama**, **Kumpulan Kedua** **atau** **Kumpulan Ketiga**. Menggunakan data dari kumpulan pilihan anda, bandingkan pandangan sintaksis preskriptif dan pandangan sintaksis deskriptif tentang pembentukan ayat dalam kumpulan tersebut. Beri tumpuan kepada bahagian bergaris.

**Kumpulan Pertama**

[i] Thor, *Oku-Thor*, *Þórr* (ON), *Þunor* (OE), *Donar* atau *Donner* (German) adalah dewa guruh berambut merah dan berjanggut mitos Norse dan lebih umumnya dalam mitos Jerman.
[ubah suai daripada http://ms.wikipedia.org/wiki/Thor]

[ii] Dia merupakan anak kepada Odin dan Jord.
[http://ms.wikipedia.org/wiki/Thor]

[iii] Malah dulu dia ___Ø___ penyanyi kumpulan nasyid.
[ubah suai daripada http://www.budiey.com/gambar-faizal-tahir-buka-baju-di-konsert-ulangtahun-8tv/]

**Kumpulan Kedua**

[i] Bagi mereka yang selalu mengikuti perkembangan Adobe, project codename Thermo bukanlah benda baru.
[http://blog.flavert.com/feed/]

[ii] Pajak Jizyah adalah 4 dinar (senilai 400$) pertahun untuk mereka yang kaya, 2 dinar untuk mereka yang berkecukupan, dan 1 dinar untuk mereka yang berekonomi lemah, sedangkan mereka yang fakir tidak diwajibkan, sesuai dengan hukum mazhab Shafi'i.
[http://www1.doshisha.ac.jp/~knakata/roleHTind.html]

[iii] Buat mereka yang tidak tahu ataupun tidak dijemput sama sekali, kawan saya yang bernama Zed Diyana binti Zulkafli telah selamat diijabkabulkan dengan seorang ahli gusti yang nama pentasnya ialah Test.
[http://ijaicool.blogspot.com/]

| Kumpulan Ketiga | |
|---|---|
| [i] | Sebagai lelaki, bukan hanya kebutuahn biologis yang dia butuhkan dari seorang wanita tapi banyak hal yang dia impikan dari seorang wanita dan itu adakala tidak dijumpai dalam diri <u>satu orang wanita</u> saja,karena kita sebagai manusia terlahir dengan segala kekurangan dan kelebihannya. [http://aina-alqalby.blogspot.com/2005_10_23_archive.html] |
| [ii] | Polis menahan <u>seorang wanita</u> berusia 29 tahun yang dipercayai mengedar cakera video digital (DVD) aksi seks bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek. [http://www.topix.com/forum/world/indonesia/TS1QFT8AC6ALDSVLA] |
| [iii] | Mekanisme beristeri lebih dari <u>satu wanita</u> yang diterapkan Nabi adalah strategi untuk meningkatkan kedudukan perempuan dalam tradisi feodal Arab pada abad ke-7 Masehi. [http://id.wikipedia.org/wiki/Poligami_dalam_Islam] |

[50 markah]

7. Bincangkan pembentukan DUA daripada lima ayat berikut. Sertakan semua prinsip, syarat, dan kekangan yang terlibat dalam pembentukan dua ayat ini dalam perbincangan anda.

[i] Kak Long membasuh sotong itu untuk dikeringkan oleh Kak Ngah.

[ii] Sotong ini dibasuh oleh Kak Long untuk dikeringkan oleh Kak Ngah.

[iii] Kak Long tidak membasuh sotong ini, tetapi sebaliknya dia membasuh ikan itu untuk dikeringkan oleh Kak Ngah.

[iv] Siapakah yang membasuh sotong ini untuk dikeringkan oleh Kak Ngah?

[v] Tolong basuh sotong ini untuk Kak Ngah keringkan!

[50 markah]

- oooOooo -